

RABU • 07.12.2016

ALAMAKAI

Huffaz-M bantu hafazan al-Quran

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 7 DEC 2016 m/s 32

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

shofi.isa@utusan.com.my

■ KUANTAN 6 DIS.

PENYELIDIK Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan teknologi yang boleh dijadikan sebagai alat bantuan bagi proses hafazan al-Quran dikenali sebagai Huffaz-M.

Penyelidikan itu bermula pada Disember 2014 dan siap Januari lalu.

Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP, Dr. Rashidi Abbas berkata, Huffaz-M merupakan salah satu kaedah yang menggunakan aplikasi teknologi terkini untuk mengekalkan hafazan.

"Huffaz-M juga menyediakan kit panduan hafazan berkesan untuk para huffaz dan buku sebagai rujukan semua.

"Aplikasi ini dapat meningkatkan proses hafazan secara efektif dan berkesan serta membantu madrasah, maahad tahfiz, institut tahfiz melahirkan lebih ramai huffaz al-Quran.

"Peningkatan bacaan hafazan ini termasuklah kaedah untuk hafazan yang baharu (dars jadid), kaedah mengekalkan hafazan yang lepas (sabiq) dan kaedah mengulang-ulang bacaan (taqriir/murajaah)," katanya di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Rashidi berkata, Huffaz-M boleh dimasukkan ke dalam telefon pintar melalui perisian yang perlu dimuat turun dari Google Play Store bagi memudahkan pelajar.

"Bagi pelajar, perlu ada telefon pintar untuk memuat naik apli-



RASHIDI ABBAS memperkenalkan Huffaz-M yang merupakan salah satu kaedah hafazan menggunakan aplikasi teknologi terkini di UMP, Kuantan, semalam.



Aplikasi ini dapat meningkatkan proses hafazan secara efektif dan berkesan serta membantu madrasah, maahad tahfiz, institut tahfiz melahirkan lebih ramai huffaz al-Quran."

DR. RASHIDI ABBAS
Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP

kasi ini dan boleh melihat dan mendengar bacaan yang betul dari qari serta dapat mengulang-ulang

kembali ayat yang belum dikuasai atau dihafal," katanya.

Beliau berkata, anggaran kos untuk satu set peranti berkenaan adalah RM200 termasuk dengan aplikasi Android.

"Penemuan ini bukan sahaja dapat membantu pelajar meningkatkan dan mengekalkan hafazan dan malah mudah dibawa ke mana sahaja. Saya berharap aplikasi ini dapat dikembangkan dan dimanfaatkan terutama kepada pelajar-pelajar tahfiz dan Maahad Tahfiz di seluruh negara," katanya.

Penyelidikan itu diiktiraf apabila meraih pingat emas di pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (Citrex) 2016 dan pingat gangsa di Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2016.